



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PUSAT GIMNASIUM, PUSAT
KECERGASAN (FITNESS CENTRE), STUDIO, DEWAN BADMINTON DI
NEGERI PULAU PINANG MULAI 10 JULAI 2020**

1. Semua aktiviti sukan dan latihan yang dilaksanakan di kemudahan sukan tertutup termasuk Pusat Gimnasium, Pusat Kecergasan (*Fitness Centre*), Studio, Badminton, Tenis, dan sebagainya akan dibenarkan beroperasi sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja dengan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh pihak MKN dan KBS.
2. Pengusaha perlu mempamerkan QR code PG Care dan Mysejahtera untuk diimbas oleh semua pengguna sebelum masuk premis.
3. Pengusaha perlu mendaftar dan mengisi borang makluman di notification.miti.gov.my
4. Pengusaha perlu mematuhi SOP Protokol Am Pengurusan yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Keselamatan Negara.
5. Individu yang tidak berkecuali dilarang memasuki premis.
6. Semua pengguna perlu menjalankan saringan suhu badan semasa memasuki premis.
7. Pengusaha mesti sentiasa mengawal kapasiti bilangan individu berada dalam premis atau tempat latihan berdasarkan keluasan tempat.
8. Pengusaha perlu mensanitisasikan semua alatan yang digunakan sebelum dan selepas setiap sesi penggunaan.
9. Pengusaha perlu menandakan tanda panduan yang jelas di dalam premis untuk panduan pengguna.
10. Pematuhan amalam penjarakan sosial (aktiviti statik 1-3m dan aktiviti dinamik 3-5m).
11. Pengusaha perlu menyediakan cecair sabun yang mencukupi dalam bilik tandas untuk kegunaan individu.
12. Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang boleh diguna semasa aktiviti sukan dijalankan.
13. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN SEMULA PUSAT TENPIN BOLING DI NEGERI PULAU PINANG MULAI 10 JULAI 2020

1. Terdapat 6 buah Pusat Tenpin Bowling yang berlesen di Negeri Pulau Pinang iaitu:
 - Megamall Bowling Centre, Seberang Perai
 - Ole-Ole Super Bowl, Mydin Mall
 - Penang Bowl
 - Aspiration Centre, Sunshine Mall
 - Classic Bowl, Bukit Jambul
 - Classic Bowl, Prangin Mall
2. Masa operasi sehingga 12.00 malam untuk semua aktiviti sukan dan pengusaha sukan di negeri Pulau Pinang.
3. Pengusaha perlu mempamerkan QR code PG Care dan Mysejahtera untuk diimbis oleh pengguna.
4. Pengusaha perlu mendaftar dan mengisikan borang makluman di notification.miti.gov.my
5. Pengusaha perlu mematuhi SOP Protokol Am Pengurusan yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Keselamatan Negara.
6. Pengusaha perlu mensanitisasikan bola tenpin bowling dan tempat yang digunakan selepas setiap sesi pengguna.
7. Untuk mempraktikkan penjarakkan sosial, pengusaha perlu memastikan pengguna mengamalkan prinsip kesopanan lorong ("lane courtesy") di mana semasa seseorang individu sedang mengambil gilirannya untuk bermain, individu yang berada di lorong bersebelahan dengannya perlu menunggu di tempat konsol skor sehinggalah giliran individu yang sedang bermain tersebut tamat.
8. Satu lorong permainan hanya boleh digunakan maximum 3 pengguna sahaja.
9. Bagi pemain yang membawa bola tenpin bowling sendiri, pemain tersebut perlu mensanitisasikan bola tersebut sebelum dan selepas penggunaan.
10. Pemain dilarang mengadakan sentuhan badan semasa bermain seperti contoh *High-five* jika mendapat *Strike*.
11. Semasa seorang pemain bermain, 2 orang pemain yang lain perlu berada di tempat duduk dan menunggu giliran masing-masing. Dilarang 2 orang pemain berada di atas lorong yang sama pada satu masa.
12. Setiap pemain hanya boleh menggunakan satu unit bola sahaja semasa bermain. Perkongsian bola tenpin bowling tidak dibenarkan.
13. Pengusaha perlu mensanitisasikan kasut sewaan selepas penggunaan.
14. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.
15. Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang boleh diguna.

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN SEMULA PUSAT SNUKER DI NEGERI PULAU PINANG MULAI 10 JULAI 2020

1. Masa operasi pusat billiard dan snuker adalah sehingga 12.00 malam sahaja.
2. Pengusaha perlu mempamerkan QR code PG Care dan Mysejahtera untuk diimbas oleh pengguna.
3. Pengusaha perlu mendaftar dan mengisikan borang makluman di notification.miti.gov.my
4. Pengguna dan pengusaha perlu mematuhi SOP Protokol Am yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Keselamatan Negara.
5. Hanya aktiviti sukan billiard dan snuker dibenarkan beroperasi dalam premis itu. Elemen hiburan lain masih kekal ditutup.
6. Semua pengguna perlu menjalankan saringan suhu badan semasa memasuki premis atau tempatan latihan.
7. Pengusaha perlu mensanitisasikan semua alatan yang digunakan sebelum dan selepas setiap sesi pengguna.
8. Bagi pemain yang membawa peralatan sendiri, pemain tersebut perlu mensanitisasikan peralatan masing-masing sebelum dan selepas penggunaan.
9. Pemain dilarang mengadakan sebarang aktiviti sentuhan badan semasa bermain.
10. Penggiat individu, pelatih, atlet atau jurulatih yang terlibat wajar memastikan protokol am individu dipatuhi sepenuhnya seperti pematuhan terhadap amalam penjarakan sosial (aktiviti statik 1-3m dan aktiviti dinamik 3-5m).
11. Pengusaha perlu menandakan tanda panduan yang jelas di dalam premis atau tempat latihan untuk panduan pengguna.
12. Pekerja-pekerja perlu sentiasa memakai peliput mulut sepanjang tempoh masa bekerja.
13. Pemain perlu membersihkan tangan dengan cecair pembasmian kuman yang telah di sediakan sebelum dan selepas permainan.
14. Pengusaha perlu menyediakan cecair sabun yang mencukupi dalam bilik tandas untuk kegunaan individu.
15. Tidak lebih dari 4 orang yang boleh dibenarkan bermain di satu meja biliard yang berukuran 12 kaki x 6 kaki, pada satu-satu masa permainan.
16. Perkongsian alatan bermain snuker dalam satu permainan tidak dibenarkan.
17. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, perlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.
18. Individu yang tidak berkenaan dilarang memasuki premis atau tempat latihan. Dilarang penonton, penyokong atau rakan yang tidak bermain memasuki premis tersebut kecuali Jurulatih atau Penyelia Sukan yang terbabit dalam latihan sukan tersebut.
19. Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang boleh diguna.

20. Setiap meja Biliard mesti berada dalam jarak minima 1.5-meter (4.92 kaki) antara satu sama lain.
21. Hanya seorang individu yang akan dibenarkan ke meja semasa giliran pemain itu. Pemain yang tidak terlibat harus berada di tempat duduk yang disediakan.
22. Pemain pemain tidak dibenarkan berjabat tangan sebelum dan selepas permainan
23. Pemain tidak boleh menggunakan bilik rehat atau bilik persalinan dan pemain harus meninggalkan premis setelah tamat permainan.
24. Individu tidak dibenarkan menunggu, beristirehat atau berkumpul di dalam premis.
25. Jumlah kapasiti bilangan pengguna di dalam premis (tidak termasuk pekerja) tidak boleh melebihi jumlah meja biliard yang dikali dengan 4.
26. Bola permainan yang diperlukan hanya boleh dikutip di kaunter utama sebelum permainan bermula. Pemain harus kembalikan bola permainan ke kaunter depan setelah tamat bermain. Perkhidmatan susunan bola tidak dibenarkan pada setiap waktu permainan.
27. Bola yang dipulangkan dan meja harus disanitasikan setelah tamat satu permainan dan sebelum permainan baru dimulakan.
28. Pemain digalakkan untuk membuat tempahan waktu permainan (*Booking*) supaya tidak menunggu atau berhimpun di premis untuk menunggu giliran mereka bermain.